

PPRT: Sikap pilih kasih dikesali

UM 3 0 OCT 2001

Oleh
MARHAINI KAMARUDDIN
dan YUSRI SAHAT

KUALA LUMPUR 29 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kesal dengan sikap pilih kasih segelintir wakil rakyat dan pegawai kerajaan yang membuat pemilihan terhadap peserta yang layak menyertai Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT).

Perdana Menteri menegaskan, rakyat sering menyalahkan kerajaan apabila wakil rakyat dan

pegawai berkenaan melakukan perbuatan sedemikian.

Kerajaan pula, katanya, tidak mempunyai pilihan selain terpaksa bergantung kepada mereka untuk memilih golongan yang layak menyertai program itu.

“Kadang-kadang orang ini ada pilih kasih. Jadi, orang yang patut dapat, tidak dapat. Yang tidak patut dapat, dapat. Yang kena marah ialah kerajaan,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Persatuan Air Antarabangsa (IWA) Mengenai Air dan

Sisa Air Bagi Negara-Negara Sedang Membangun di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Beliau mengulas Laporan Audit Negara baru-baru ini yang mendedahkan terdapat peserta yang melepasi tahap kemiskinan, masih mendapat faedah daripada program tersebut.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri memberitahu, segala bantuan yang disalurkan oleh kerajaan kepada golongan miskin adalah berdasarkan laporan wakil rakyat dan pegawai kerajaan terbabit.

“Masalah ini sudah lama. Bila

kita hendak tolong orang miskin, kita terpaksa bergantung kepada orang tertentu beri laporan kepada kita siapa yang patut dapat. Kadang-kadang dia pilih tidak kena,” katanya.

Mengulas gesaan Ahli Parlimen Kinabatangan dari Barisan Nasional (BN), Datuk Bung Moktar Radin yang meminta Perdana Menteri memecat menteri-menteri yang gagal menjalankan tugas, katanya, wakil rakyat yang sering tidak hadir ke Parlimen juga boleh digugurkan daripada jawatan mereka.

Menurutnya, pengguguran jawatan bukan tertumpu kepada menteri semata-mata sebagaimana yang dikehendaki oleh Bung Moktar.

“Kita boleh gugur semua. Wakil rakyat yang tidak hadir pun kita boleh gugur juga,” katanya.

Perdana Menteri memberitahu, seseorang ahli Parlimen perlu berhati-hati sebelum mengeluarkan sebarang kenyataan.

Secara sinis, beliau berkata: “Bila kita baling batu, kita kena tentukan tidak kena kita balik. Kita duduk dalam rumah kaca, kita baling batu habis pecah semua.”